

31/10/2002

RM500j tingkat prasarana tapak industri

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Rabu - Kerajaan negeri mengenal pasti beberapa kawasan perindustrian di Selangor yang kemudahan infrastruktur perlu dipertingkatkan membabitkan perbelanjaan RM500 juta bagi menggalakkan minat pelabur.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Aziz Mohd Yusof, berkata antara kawasan perindustrian yang dikenal pasti tidak mempunyai kemudahan infrastruktur lengkap terutama, sistem jalan raya dan longkang ialah di Balakong, Sungai Buloh, Teluk Panglima Garang dan Bangi.

Sehubungan itu, kerajaan memohon bantuan Kerajaan Persekutuan kerana projek menaik taraf sistem kemudahan infrastruktur menelan belanja besar.

Beliau berkata, berdasarkan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Kerajaan Persekutuan bersetuju membantu Selangor dan setakat ini RM50 juta diperolehi untuk membaiki sistem jalan raya dan longkang.

Katanya, Selangor berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana meluluskan permohonan peruntukan yang dibuat tahun ini dan projek menaik taraf itu dijangka selesai dalam tempoh tiga tahun.

"Kita dapati masih ada kawasan perindustrian di Selangor yang tidak mempunyai kemudahan infrastruktur lengkap dan tidak terurus.

"Sehingga kini, kerajaan negeri melalui SSIC Berhad berjaya menaik taraf beberapa kawasan perindustrian dengan sentiasa mendapat sokongan pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan terbabit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pembangunan Infrastruktur Selangor 2002, di Kelab Shah Alam, di sini hari ini.

Seminar sehari anjuran SSIC Berhad itu untuk memberi pendedahan dan menyampaikan maklumat terkini kepada syarikat, pemaju, kontraktor, industri dan bakal pengusaha mengenai pembangunan infrastruktur yang telah dan akan dirancang kerajaan negeri.

Abdul Aziz berkata, kerajaan negeri percaya kemudahan infrastruktur yang lengkap dan sistematik di Selangor akan menarik lebih ramai pelabur tempatan dan luar negara, sekali gus meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Pada masa ini, Selangor menyumbang kira-kira 30 peratus kepada KDNK Malaysia. Dengan kemudahan infrastruktur yang serba lengkap, kita bukan saja mengekalkan minat pelabur sedia ada untuk terus menanam modal di Selangor, malah menarik minat pelabur baru," katanya.

Abdul Aziz berkata, penganjuran seminar seumpama itu membolehkan kerajaan memberikan penjelasan mengenai dasar dan perancangan kemudahan infrastruktur serta memberikan maklum balas mengenai masalah yang dihadapi terus kepada kerajaan negeri.